



PANDUAN PENERBITAN

SIRI MONOGRAF PENYELIDIKAN

PENERBIT UniMAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
<https://penerbit.unimap.edu.my>

PANDUAN PENERBITAN SIRI MONOGRAF PENYELIDIKAN

PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu ahli akademik atau penulis menghasilkan monograf penyelidikan. Penerbitan siri monograf dapat memperbanyak karya yang bersifat penyelidikan saintifik di universiti untuk disebarluaskan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik.

OBJEKTIF

- Menyebarluaskan hasil-hasil penyelidikan universiti kepada penyelidik, pelajar, industri dan masyarakat.
- Meningkatkan dan memperbanyak koleksi penulisan dan penerbitan ilmiah di peringkat universiti.
- Membudayakan penulisan ilmiah dalam kalangan ahli akademik khususnya penyelidik yang menjalankan kajian

MONOGRAF

Monograf adalah suatu hasil kerja penulisan mengenai sesuatu subjek oleh seorang pengarang. Disebabkan karya dalam bentuk monograf ini selalunya berasaskan kepada sesuatu hasil penyelidikan yang selalunya melibatkan lebih seorang pengkaji, maka terdapat juga monograf ditulis oleh lebih seorang pengarang. Corak penulisan boleh dalam bentuk buku atau seperti sebuah artikel saintifik untuk jurnal. Dari segi definisi juga ia adalah suatu dokumen tunggal dalam bentuk teks yang lengkap. Dalam banyak keadaan monograf adalah penghuraian lebih daripada apa yang diperlukan oleh sebuah artikel untuk jurnal dan tidak mempunyai bab. Ia dilengkapkan dengan abstrak, huraian teori dan ulasan kajian-kajian terdahulu, kaedah penyelidikan atau pengumpulan maklumat, hasil kajian, pemaparan penemuan dan pengujahan hasil kajian serta implikasinya terhadap bidang ilmu dan dasar. Disebabkan hasil penulisan ini ada kalanya agak panjang, terdapat juga monograf yang ditulis dalam bentuk bab-bab, tetapi tidak lebih dari tiga [3] bab. Bagi bidang sains dan kejuruteraan penerokaan kajian-kajian terdahulu adalah komponen yang dilihat sangat penting yang perlu dimasukkan dimasukkan.

KONSEP DAN KAEADAH PENERBITAN

Siri Monograf Penyelidikan ini akan diterbitkan secara digital dan juga bercetak bagi tujuan sebaran kepada ahli akademik, pelajar, penyelidik, industri dan masyarakat. Universiti menetapkan dan mewajibkan mana-mana penyelidik yang memperolehi geran penyelidikan dikehendaki menerbitkan monograf.

Ciri-ciri Monograf

- Penulisan yang menumpukan pada satu topik/subjek sahaja
- Mempunyai 8 bahagian utama:
 - a) Tajuk/Judul
 - b) Pengenalan
 - c) Metodologi
 - d) Kajian Lepas (literature review)
 - e) Keputusan (penemuan baru/penemuan yang gagal)
 - f) Perbincangan (penemuan yang dijumpai)
 - g) Kesimpuan/Penutup
- 8 Bahagian utama tajuk boleh dinamakan tajuk lain selain disenaraikan di atas atau dengan maksud lain metodologi dan kajian lepas boleh digugurkan atau dinamakan tajuk bab baharu yang lebih fokus kepada isu atau topik yang ingin ditulis/dinyatakan atau disampaikan.
- Penulisan yang mengekalkan sifat saintifik dan Ilmiah.
- Ketebalan mansukrip ialah tidak kurang daripada 60 halaman

Bahasa

Penerbit UniMAP menerima manuskrip monograf penyelidikan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagaimana bahasa selain juga boleh dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan pertimbangan kos penerbitan.

Ilustrasi (Kulit Depan)

Reka bentuk ilustrasi pada kulit depan Siri Monograf Penyelidikan hanya akan menggunakan satu standard ilustrasi yang ditetapkan bagi mewujudkan keseragaman dan kesepadan identiti siri monograf yang diterbitkan. Reka bentuk kulit akan disediakan oleh Penerbit UniMAP.

Ganjaran/Honorarium/Royalti

Tiada sebarang ganjaran diberikan kepada Penulis siri monograf. Bagaimanapun Penulis telah menghasilkan monograf boleh dipertimbangkan dan akan diberikan keutamaaan bagi memperolehi Geran Penerbitan Buku Universiti jika ditawarkan.

Speksifikasi dan Format

Penerbitan siri monograf ini akan diterbitkan dalam bentuk digital dan bercetak berdasarkan keperluan dan permintaan dan akan dikenakan bayaran kos percetakan.

Format Bercetak

Saiz Buku : 6 inci x 9 inci/7inci x 10 inci

Jenis Kertas Kulit: Artcard 310 gsm (Matt Laminate)

Jenis Kertas Teks : Simile Paper 80 gsm

Cetakan Kulit: Warna

Cetakan Teks: Warna/Hitam Putih

Kekemasan: Perfect Binding

Format Digital

Semua judul yang diterbitkan akan ditukar format kepada bentuk digital iaitu dalam bentuk PDF dan ePUB (fixed-layout)

PANDUAN PENULISAN DAN PENYEDIAAN MANUSKRIP MONOGRAF PENYELIDIKAN

Kandungan Manuskip

Setiap manuskrip yang dihantar mempunyai tiga [3] elemen penting seperti Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran.

Bahagian Awalan

- a) Judul Separa
- b) Judul
- c) Halaman Hak Cipta
- d) Jadual Kandungan
- e) Senarai Penyumbang
- f) Halaman Dedikasi (jika ada)
- g) Senarai Jadual/Rajah (jika ada)
- h) Kata Pengantar (jika ada)
- i) Prakata
- j) Penghargaan (jika ada)

Bagi setiap halaman ini hendaklah dicatatkan/dinomborkan bilangan muka surat (folio) dengan menggunakan angka Roman kecil seperti i, ii, iii, iv, v... dan seterusnya.

Bahagian Teks

- a) Pengenalan
- b) Kajian Literatur
- c) Metodologi
- d) Keputusan dan Perbincangan
- e) Kesimpulan dan Cadangan

Bahagian Akhiran

- a) Rujukan
- b) Indeks
- c) Lampiran

Pembinaan Manuskrip

- a) Penulis dikehendaki boleh menyerahkan salinan manuskrip akhir dalam bentuk bercetak atau digital (softcopy).
- b) Manuskrip hendaklah ditaip dengan kemas, bersih dan selaras dengan menggunakan kertas yang berukuran/bersaiz A4, langkau dua (2) baris.
- c) Penulis hendaklah memastikan supaya setiap halaman teks mempunyai jidar/birai yang berukuran dari kiri 32 mm (1.25"), kanan 32 mm (1.25") atas 25 mm (1.0") dan bawah 32 mm (1.25").
- d) Sesebuah manuskrip ditakrifkan sebagai lengkap apabila ia memenuhi syarat untuk diterbitkan sebagai sebuah buku. Pada umumnya sesebuah buku mengandungi tiga bahagian utama yang terdiri daripada Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Oleh itu, Penulis hendaklah memastikan manuskrip yang disediakan mengandungi ketiga-tiga bahagian berkenaan.
- e) Penulis digalakkan mengikut dan menerima pakai Gaya Dewan, American Psychological Association(APA) **dan** *Chicago Manual of Style* dalam penyediaan manuskrip seperti penggunaan huruf besar, huruf condong, tanda bacaan, sistem penomboran akronim, ejaan dan tatabahasa.
- f) Penulis manuskrip sains dan kejuruteraan perlu memberi perhatian yang mendalam kepada aspek keseragaman dalam penggunaan istilah, unit ukuran, dimensi, simbol, rumus matematik, tanda-tanda teknikal dan lain-lain. Penggunaan aspek di atas hendaklah mengikut piawai Gaya Dewan.
- g) Reka letak teks sebaik-baiknya hendaklah diberikan perhatian di peringkat mula penyediaan manuskrip menurut peringkat-peringkat di bawah:
 - i. TAJUK BAB - boleh dibuat dalam huruf besar, atau huruf besar dan huruf kecil, dan diletakkan sama ada di tengah-tengah, santak ke kiri atau ke kanan menggunakan saiz taip yang sesuai.

- ii. Pecahan tajuk kepada subtajuk boleh dibuat tetapi pecahan lebih daripada LIMA (5) subtajuk tidak digalakkan. Pecahan subtajuk boleh dibuat dengan menggunakan panduan status pecahan seperti berikut:
1. ***Subtajuk Pertama***
 - TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN BOLD;
 2. ***Subtajuk Kedua***
 - Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, dan Bold;
 3. ***Subtajuk Ketiga***
 - *Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, Bold dan Italik;*
 4. ***Subtajuk Keempat***
 - TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN MEDIUM;
 5. ***Subtajuk Kelima***
 - *Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil Dan Italik;*

Permohonan Penerbitan

Bagi memastikan proses penerbitan dapat ditangani secara lancar, penulis atau bakal penulis dinasihatkan supaya menjadikan garis panduan ini sebagai bahan rujukan sepanjang menguruskan kerja-kerja penulisan atau penyediaan manuskrip (disebut juga taip skrip)

Setiap permohonan menerbitkan siri monograf penyelidikan boleh dibuat dengan menghantar manuskrip yang telah disiapkan. Penulis yang berminat untuk menghasilkan penulisan karya disarankan supaya menghantar permohonan kepada Penerbit UniMAP dengan mengemukakan pemohonan dengan mengisi Borang Pemohonan Penerbitan Monograf Penyelidikan bersama-sama manuskrip.

Sekiranya pemohonan yang dihantar lengkap proses penerbitan akan mengambil masa selama tujuh [4] bulan untuk proses penilaian, penyuntingan, pra cetak dan percetakan. Bagaimanapun jangka masa ini tertakluk kepada tempoh masa diambil untuk proses penilaian dan penyuntingan manuskrip.

Penyerahan Manuskrip

- a) Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UniMAP, hendaklah merupakan cetusan idea terakhir penulis dan BUKANNYA suatu draf yang akan diubah kemudiannya.
- b) Semua ilustrasi seperti fotografi, gambar rajah, carta, graf, peta, dan sebagainya hendaklah diserahkan dalam bentuk yang berkualiti dan boleh disertakan secara berasingan daripada teks atau meletakkan terus ke dalam teks. Sekiranya ilustrasi berkenaan disediakan secara berasingan, dinasihatkan supaya setiap ilustrasi berkenaan diberikan tajuk dan nombor di bahagian belakang. Tajuk dan nombor yang dicatatkan di bahagian belakang ilustrasi hendaklah sama dengan yang tercatat dalam ruang yang terdapat di dalam teks.
- c) Sebarang pertanyaan dan kemosykilan boleh diajukan terus kepada:

**BAHAGIAN EDITORIAL
PENERBIT UniMAP,
Universiti Malaysia Perlis,
No 11 & 13, Jalan Tiga
Pusat Perniagaan Pengakalan Jaya
01000 Kangar, Perlis.**

E-mel : zulhillizan@unimap.edu.my/zamimi@unimap.edu.my